A

Dlm Perkara Shamshuddhuha bin Ishak

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PETISYEN NO 18–495–93
ABU MANSOR H
18 MEI 1994

B

Perkataan dan Rangkaikata *— 'In active practice' — Akta Profesion Undang-Undang 1976 s 13(1)*

Profesion Undang-Undang *— Penerimaan masuk — Tempoh latihan — Pengajar*
C *tidak mempunyai sijil amalan — Sama ada pengajar dibenarkan menjalani kerja pangamal — Sama ada pempetisyen telah menjalani tempoh latihan yang lengkap — Akta Profesion Undang-Undang 1976 s 11(d)*

D

Pempetisyen telah memfailkan petisyen untuk dipanggil dan dimasukkan sebagai seorang peguambela dan peguamcara bertarikh 17 Mac 1994. Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah membantah petisyen itu atas alasan bahawa pempetisyen tidak menuruti syarat di bawah s 11(d) Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta itu') sebab pengajar pempetisyen tidak mempunyai sijil amalan guaman mulai tahun 1994, menjadikan
E tempoh pembacaan dalam kamar pempetisyen pendek sebanyak 2 bulan 16 hari.

Diputuskan, membenarkan bantahan itu:

(1) Apa yang hendak dipenuhi oleh pempetisyen ialah belajar di
F kamar seorang pengamal yang 'in active practice'. Seorang peguam 'who is and has been in active practice' di dalam s 13(1) Akta itu bermakna seseorang peguam yang mempunyai sijil annual dan juga sijil amalan.

(2) Pengajar pempetisyen tidak mempunyai sijil annual untuk tahun 1994 dan dengan itu, tidak dapat dikeluarkan satu sijil amalan
G oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi, khususnya dari 1 Januari ke 16 Mac 1994, di waktu pempetisyen membaca di kamar beliau. Pada masa pengajar tidak memiliki satu sijil amalan, beliau tidak dibenarkan oleh undang-undang menjalani kerja pengamal.

(3) Oleh itu, pempetisyen hanya akan dipanggil apabila beliau dapat
H memenuhi syarat di dalam s 13(1) yang dikehendaki itu dengan membaca di kamar pengajar lain yang layak dalam bulan-bulan yang tidak lengkap itu.

[English summary

I The petitioner had filed a petition to be called and admitted as an advocate and solicitor dated 17 March 1994. The Bar Council and the Bar Committee of Kuala Lumpur had objected to the petition on the ground that the petitioner had not complied with the conditions under s 11(d) of the Legal Profession Act 1976 ('the Act') because

his master did not have a legal practising certificate for the year 1994, causing the petitioner's period of reading in chambers to be short by 2 months and 16 days. A

Held, allowing the objection:

(1) What the petitioner needs to fulfil is to learn in the chambers of a practitioner who is 'in active practice'. A lawyer 'who is and has been in active practice' in s 13(1) of the Act means a lawyer who possesses a sijil annual and also a practising certificate. B

(2) The petitioner's master did not possess a sijil annual for the year 1994 and therefore, could not be issued with a practising certificate by the Registrar of the High Court, more specifically from 1 January to 16 March 1994, the period when the petitioner was reading in his chambers. As long as a master does not possess a practising certificate, he is not allowed by law to carry out the work of a practitioner. C

(3) Therefore, the petitioner can only be called when he has fulfilled the conditions of s 13(1) as required by reading in the chambers of another master who is qualified, for the months which are incomplete.] D

[*Editorial Note*: The petitioner has appealed to the Supreme Court.] E

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tempoh latihan dalam kamar, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 1298-1307.

Undang-undang rujukan F

Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 11(d), 13(1)

Hj Mohamed Noor bin Hj Don (*Chua Brothers, Azzat & Izzat*) bagi pihak pempetisyen.

Kamaluddin bin Mohd Said (Peguam Persekutuan) bagi pihak Peguam Negara. G

Hj Sulaiman bin Abdullah bagi pihak Majlis Peguam Malaysia.

M Puravalen bagi pihak Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur.

Abu Mansor H: Di dalam lampiran 18 dan 19, Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur seterusnya membantah permohonan Shamshuddhuha bin Ishak, pempetisyen, untuk dipanggil dan dimasukkan sebagai seorang peguam bertarikh 17 Mac 1994 atas alasan bahawa pempetisyen tidak menuruti syarat di bawah s 11(d) Akta Profesion Undang-Undang 1976 sebab pengajar pempetisyen tidak mempunyai sijil amalan guaman mulai tahun 1994, menjadikan tempoh pembacaan dalam kamar pempetisyen pendek sebanyak 2 bulan 16 hari. H I

Setelah mendengar hujah kedua belah pihak, saya telah membenarkan bantahan di dalam lampiran 18 dan 19 tanpa kos dan oleh sebab yang membantah tidak memohon perintah supaya petisyen dibatalkan tetapi

akan puas hati dan tidak membantah jika syarat dapat dipenuhi oleh pempetisyen dengan beliau membaca/menuntut di kamar pengajar lain yang layak dalam bulan-bulan yang tidak lengkap itu, maka saya cuma membenarkan sahaja bantahan ini dan tidak membatalkan petisyen beliau.

Alasan saya membuat perintah pemberhentian/penggantungan pendengaran adalah seperti berikut. Tidak dinafikan tempoh yang diperlukan oleh pelatih belajar di kamar pengajar yang sah atau masa yang hendak disempurnakan olehnya ialah 2 bulan 16 hari lagi, selama masa pengajarnya Encik Azzat tidak mempunyai sijil amalan daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi mulai tahun 1994.

Seksyen 13(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 menyebut:

> Subject to subsection (4) a pupil shall serve his period of pupillage with an advocate and solicitor who is and has been in active practice in Malaysia for a total period of not less than seven years immediately preceding the date of commencement of his pupillage: ...

Tidak dinafikan En Azzat tidak dapat memenuhi syarat untuk sijil annual untuk tahun 1994 dan pada tarikh terakhir pendengaran ini pada 6 Mei 1994, beliau belum dapat dikeluarkan satu sijil annual dan khususnya dari 1 Januari 1994 ke 16 Mac 1994, di waktu pelatih membaca di kamar beliau.

Saya membuat keputusan makna peguam 'who is and has been in active practice' di dalam s 13(1) adalah seseorang peguam yang mempunyai sijil annual dan pula, sijil amalan cuma boleh dikeluarkan jika peguam berkenaan dapat menghantarkan kepada Majlis Peguam satu akaun yang betul dan lengkap dan tidak cacat dari segi akaun firmanya. Saya menolak hujah peguam pempetisyen yang mengatakan seseorang itu layak menjadi seorang pengajar jika cuma telah dipanggil menjadi seorang peguam selama tujuh tahun sungguhpun tidak mempunyai sijil amalan. Saya berpendapat dipanggil menjadi seorang peguam adalah cuma kelayakan sahaja tetapi apa yang hendak dipenuhi oleh pelatih ialah belajar di kamar seorang pengamal yang 'in active practice'. Saya berpendapat seorang peguam yang dalam 'active practice' adalah peguam yang mempunyai satu sijil amalan dan tidak dinafikan seorang peguam tidak akan dapat memiliki satu sijil amalan jika tidak dapat menghantar Majlis Peguam satu akaun yang sempurna untuk mendapati sijil annual. Setelah mempunyai sijil annual barulah beliau dikeluarkan sijil amalan, oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi. Pada masa pengajar tidak memiliki satu sijil amalan, beliau tidak dibenarkan oleh undang-undang menjalani kerja pengamal.

Disebabkan pengajar pempetisyen tidak menjalankan amalan dalam erti kata 'is and has been in active practice' saya memutuskan pempetisyen tidak memenuhi syarat dalam s 13(1) dan saya benarkan bantahan dalam lampiran 18 dan 19 tanpa kos dan akan memanggil pempetisyen apabila beliau telah dapat memenuhi syarat yang dikehendaki itu.

Bantahan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Anne Khoo